

Dilanda banjir kilat **kali ketiga**

Penduduk Rumah Awam Ladang Baru mahu pemaju bertanggungjawab, bayar pampasan

■ NORAFIZA JAAFAR

KUANG - Sebuah taska, dua kedai runcit dan kira-kira 20 rumah penduduk di Rumah Awam Ladang Baru, Kampung Cempedak di sini terjejas akibat banjir lumpur, kelmarin.

Hujan lebat menyebabkan air dari kolam takungan sebuah tapak projek perumahan berhampiran melimpah kira-kira jam 5 petang.

Pengerusi JKKK Kampung Cempedak, Taufik Mohd Saad berkata, kejadian adalah kali ketiga dilaporkan sejak projek itu mula dijalankan tahun lepas.

Menurutnya, bagi mewakili penduduk, pihaknya meminta pemaju melakukan kerja pembersihan dan membayar pampasan akibat kerugian ditanggung penghuni terjejas.



Keadaan salah sebuah kedai runcit yang dinaiki air.

"Air lumpur setinggi sepuluh sentimeter itu datanginya dari limpahan takungan kolam projek tersebut dan sebelum ini kami telah bertemu dengan pemaju mengingatkan supaya langkah keselamatan ditingkatkan untuk elakkan insiden berulang.

"Penduduk alami kerosakan harta benda dan perlu ambil masa untuk kerja pembersihan. Sebelum ini pihak pemaju ada datang membantu kerja pembersihan, tapi dibuat dengan tidak sempurna," katanya kepada *Sinar Harian*, semalam.



Banjir lumpur turut melimpah ke jalan raya.

Semalam, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang (MPS), Suliman Abdul Rahman turun ke lokasi untuk meninjau keadaan tapak projek dan rumah penduduk terjejas.

Pihaknya juga meminta pemaju menyelenggara kolam takungan dan

menubuhkan jawatankuasa memantaunya untuk elak insiden sama berulang.

Beliau turut menyarankan kerap kerja penyelenggaraan dibuat pada kolam takungan terutamanya ketika musim hujan.